



MPC(PCD)600-4/1/22

30 November 2020

Pn Tooty Jamaludin
61, Jalan Bangi Avenue 6/4
Taman Bangi Avenue,
43000 Kajang
Selangor

Puan

**PERLANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN
GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN BAGI KEMENTERIAN
PERDAGANGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) DAN JABATAN
PERIKANAN (DOF)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman puan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menjalankan Projek Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan bagi kementerian dan agensi seperti dinyatakan di atas.

3. Objektif projek ini adalah untuk mengenalpasti dan menambahbaik ketelusan peraturan dan prosedur pelesenan perniagaan yang perlu diterbitkan secara dalam talian bagi meningkatkan kecekapan kawalselia pelesenan perniagaan. Sehubungan itu, bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan jayanya, MPC ingin melantik puan sebagai tenaga pakar bagi menjalankan inisiatif ini. Bersama-sama ini juga disertakan Surat Setuju Terima (Lampiran 1) dan Terma Rujukan (Lampiran 2) untuk makluman. Mohon kerjasama puan untuk mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah lengkap diisi kepada pihak kami bagi pengesahan penerimaan perlantikan.

4. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan program boleh hubungi Cik Rabiatul Hana Ishak di talian 014-716 9285 atau e-mel RabiatulHana@mpc.gov.my.

Sekian. Terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD AZROL MOHAMAD DALI)

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



SURAT SETUJU TERIMA

Kepada:
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor.
(U.P.: Cik Rabiatal Hana Ishak)

Fax: 03 – 7954 7910

**PENERIMAAN PERLANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR SEMAKAN DAN
PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN BAGI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) DAN
JABATAN PERIKANAN (DOF)**

Saya, _____ bersetuju untuk menerima tawaran
pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia sebagai perunding bagi Projek Penambahbaikan
Ketelusan Pelesenan Perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat tawaran
dan terma rujukan yang disertakan

Tandatangan:

Tarikh :

Butiran maklumat yang diperlukan:-

Nama :

Nama Syarikat :

Nama Bank dan Akaun No :